

11/02/2003

Kerajaan terus rangsang ICT negara

KOMITMEN kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat multimedia global akan terus merangsang pertumbuhan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara, kata seorang penganalisis penyelidikan.

"Pasaran ICT di Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang baik sejajar dengan unjuran pemulihan ekonomi," kata Adrian Lee dari Infocomm Research di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh di sekitar 4.5-5.0 peratus tahun ini dan antara enam hingga 6.5 peratus tahun depan dengan sektor ICT dikatakan akan menjadi antara bidang pertumbuhan baru selain bioteknologi dan pelancongan.

Beliau berkata, kerajaan bekerjasama dengan industri ini untuk menarik gergasi ICT supaya menggunakan Malaysia sebagai tapak ujian perkhidmatan dan produk baru.

Banyak syarikat asing sudah pun ada di sini untuk menggunakan insentif ditawarkan kerajaan, sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan.

Di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) saja, banyak peluang disediakan untuk pemain memasarkan perkhidmatan mereka di dalam dan luar negara.

Setakat ini, ada 784 syarikat dengan status MSC dengan jumlah pelaburan RM6.4 bilion, melepasi sasaran awal mempunyai 500 syarikat MSC menjelang 2003.

"MSC akan terus menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia menjadi ekonomi dan masyarakat berasaskan pengetahuan," kata Lee.

Bagi Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), agensi yang diamanahkan untuk memajukan MSC, hasil penting kejayaan pelaksanaan MSC adalah peningkatan pelbagai petunjuk prestasi utama, termasuk pertumbuhan dalam eksport produk dan perkhidmatan ICT, kewujudan peluang pekerjaan dengan nilai ditokok, pelaburan di MSC, produktiviti dan daya saing negara.

Ketua Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata, MDC sentiasa mencari peluang untuk menarik pemain ICT bertaraf dunia ke MSC, dan antara kejayaan terbarunya adalah penyertaan syarikat seperti Satyam, DHL, Shell dan HSBC, dan pada masa depan, BMW.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga memainkan peranan utama dalam mempromosi MSC dan terbaru, beliau melawat Hyderabad di India, Oktober lalu, yang kemudian menyaksikan banyak syarikat IT India menunjukkan minat untuk mengembangkan operasi di Malaysia.